

CNS1004

U GB 11-08 00164 BH364

BAH

Mahathir - Anugerah (Bergambar)

ANUGERAH BAGI PENULIS RENCANA EKONOMI TERBAIK

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyampaikan anugerah Yayasan Tun Abdul Razak 1993 kepada lapan orang penulis kerana sumbangan mereka kepada ekonomi negara.

Anugerah itu dibahagikan kepada lima kategori dengan setiap pemenangnya menerima wang tunai dan sijil penghargaan.

Prof Dr Mohamed Ariff dari Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya (UM) memenangi kategori Buku, Monograf dan Laporan Khas.

Beliau menerima RM30,000 dan sijil bagi tulisannya bertajuk "Ekonomi Malaysia - Hubungannya Dengan Pasifik".

Seorang lagi pemenang Prof Dr Lee Hock Lock juga dari fakulti dan universiti yang sama memenangi RM10,000 dan sijil bagi penulisannya bertajuk "Pengawasan Bank dan Institusi Menyimpan Wang Lain di Malaysia" bagi kategori yang sama.

Dalam kategori tesis dan desertasi pula, Dr Khalid Abdul Rahim, seorang pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) menerima RM25,000 dan sijil. -- Lagi.

▼11/08/21-52MSM

U GB 11-08 00189 BH365

BAH

Mahathir - Anugerah 2 Kuala Lumpur

Dr Chew Tek Ann, juga dari fakulti dan universiti yang sama dengan Dr Khalid menerima RM5,000 dan sijil bagi tulisannya bertajuk "Perkongsiannya Kontrak pada Kebun Kecil Cetah" dalam kategori rencana dalam journal akademik

Dr Mahathir menyampaikan anugerah dalam kategori yang sama kepada Dr Gan Bee Weng, penasihat kepada Jabatan Ekonomi, Pihak Berkuasa Kewangan Singapura. Dr Gan menerima RM10,000 dan sijil.

Dalam kategori kertas kerja persidangan, risalah, kertas kerja berkala dan rencana berkala bukan akademik dimenangi Dr Soon Lee Ying, seorang pensyarah di sekolah Perakaunan dan Perniagaan, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.

Penulisan beliau mengenai "Keadaan Gaji dan Pasaran Buruh di Malaysia" memberikan beliau RM10,000 dan sijil.

Perdana Menteri juga menyampaikan anugerah dalam kategori Rencana dan Penerbitan Kewartawanan dalam Bahasa Malaysia kepada Naziruddin Abdullah seorang pensyarah dengan Universiti Islam Antarabangsa. Beliau menerima RM5,000 dan sijil bagi sumbangannya bertajuk "Dasar Pembangunan Negara Selepas 1990".

Bahagian Bahasa Inggeris dalam kategori yang sama pula dianugerahkan kepada Dr R. Phillainathan, Pengarah Kewangan Genting Berhad. Penulisan beliau "Keadaan Ekonomi Semasa di Malaysia" membolehkannya meraih RM5,000 dan sijil. -- Lagi.

▼11/08/22-05MSM

BAH

Mahathir - Anugerah 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir, dalam kata-kata alnannya pada buku cenderamata sempena majlis itu berkata, pemberian anugerah itu mengiktirafkan hasil penulisan para penulis ekonomi.

Malah, kata beliau, ia juga dapat menggalakkan para penulis lain untuk bergiat bersama dengan menghasilkan lebih banyak penulisan ekonomi yang lebih bermutu.

Katanya, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa akan datang dijangka meningkat dengan lebih pesat.

Sejajar dengan itu, kata Dr Mahathir, maklumat-maklumat termasuk penerangan, kajian dan analisis mengenai potensi dan kegiatan ekonomi negara menjadi semakin penting terutama kepada sektor swasta.

"Dalam era maklumat ini, mereka yang mempunyai kelebihan maklumat akan tentu beroleh kejayaan," kata beliau.

Yang turut hadir dalam majlis itu ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Tun Hajah Rahah Tun Sri Mohamad Noah. -- Bernama.

ES PR KAM.

▼11/08/22-08MST